

Melayu belum selamat

34
M 2 1 JUN 2002

KUALA LUMPUR, Khamis – Melayu belum selamat – demikian ingatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kepada seluruh umat Melayu tanpa mengira ideologi politik mereka.

Berucap pada Perhimpunan Agung Umno 2002 di sini hari ini, dengan nada yang sederhana tetapi jelas, Presiden Umno menegaskan, orang Melayu kini bukan saja belum menjadi individu yang gagah tetapi tidak sanggup menghadapi persaingan walaupun sedikit.

terang mengenai kelemahan Melayu.

Bagaimanapun, isu mengenai kuota kemasukan bukan Bumiputera ke Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan penggunaan bahasa Inggeris bagi pengajaran Sains dan Matematik yang hangat diperkatakan sebelum ini termasuk di Perhimpunan Agung Pemuda dan Wanita semalam, langsung tidak disentuhnya.

Dr Mahathir berkata, orang Melayu dan Islam, walaupun teramai di negara yang sudah banyak

katanya.

Melayu hanya boleh terus wujud jika mereka berjaga-jaga dan berusaha. Kekuatan politik mereka perlu dipulih dan dikekalkan dengan kemampuan setiap orang daripada mereka ditingkatkan dalam semua bidang hingga mampu menghadapi segala saingan dan cabaran.

Untuk itu, Perdana Menteri berkata, orang Melayu perlu kembali kepada budaya dan nilai mulia bangsa dan ajaran Islam sebenar.

"Orang Melayu jelas belum selamat. Jangan ingat kuasa orang Melayu dalam arena politik akan kekal selama-lamanya, akan menjamin keselamatan orang Melayu sampai bila-bila".

Beliau berkata tidak ada yang kekal dalam masyarakat manusia dan dalam politik. "Ada bangsa yang tidak pernah bangun dan ada bangsa yang maju tetapi kemudian runtuh dan hilang dari muka bumi ini," tegas Dr Mahathir.

Dalam ucapan dasarnya selama 135 minit bertemakan 'Mendedahkan Yang Terbuka' itu, Dr Mahathir beberapa kali meminta maaf kepada perwakilan kerana terpaksa berterus

Malah, tegasnya, jika dikeluarkan orang Cina dengan segala-gala yang dibina dan dimiliki mereka, tidak akan ada bandar kecil atau besar di Malaysia, tidak akan ada perniagaan dan perusahaan dan tidak akan ada dana daripada cukai pendapatan dan korporat untuk membiayai segala subsidi, bantuan dan kemudahan untuk orang Melayu.

"Orang Melayu akan kembali ke zaman mereka dijahajah dulu, miskin, tidak berpelajaran dan dihina oleh sesiapa saja. Jangan fikir selepas Umno, Pas tetap akan memerintah. Dalam politik, yang tidak dijangka boleh berlaku," katanya.

Bagaimanapun beliau berkata Melayu boleh jadi selamat, boleh maju dan boleh menebus sepenuhnya maruah bangsa jika mereka sedar akan bahaya yang dihadapi dan membuat persiapan untuk mengatasinya.

Selain kelemahan Melayu, dalam ucapan dasarnya yang ke-21 di perhimpunan agung Umno itu, Dr Mahathir turut menyentuh antara lain:

LIHAT MUKA 5

-
- Ibu bapa Melayu abai didik anak – Muka 2
 - PM beri ubat pahit ubah Melayu – Muka 4
 - Teks penuh ucapan Dr Mahathir di Muka 10, 11, 12, 13, 14 dan 16
-

Justeru, jika perlindungan politik terhadap orang Melayu sekarang tiba-tiba hilang, mereka tidak mungkin boleh survive,

mencapai kemajuan ini, belum selamat kerana mereka masih menjadi kaum yang lemah, termiskin dan kurang maju.

Dr Mahathir kecewa ramai orang Islam ikut nafsu

DARI MUKA 1 ~~UM~~ 2 1 JUN 2002

● Peristiwa 11 September dan keganasan – masalah ini hanya boleh berakhir apabila tidak ada sebab bagi penganas untuk mengganas. Sebab utama keganasan dilakukan oleh orang Islam ialah kemarahan mereka terhadap Israel yang merampas wilayah Palestin. Kuasa-kuasa besar perlu menangani masalah itu jika mahu menamatkan sebahagian besar keganasan sekarang.

● Ancaman globalisasi – tafsiran yang hanya memberi kebebasan kepada modal melintasi sempadan amat berbahaya. Lebih menakutkan syarikat gergasi menjadi begitu besar, kuat dan berpengaruh sehingga dapat menguasai politik sesebuah negara seperti berlaku di Amerika Tengah di mana pengurus ladang pisang dapat menentukan siapa presiden.

● Nasib malang umat Islam - kemunculan kumpulan menentang pemerintah sesebuah negara yang cuba membangunkan negara dan ketahanan ummah dengan mengejar ilmu serta kecekapan di bidang sains dan teknologi. Kesan perbuatan menikam dari belakang kumpulan itu melemahkan negara Islam dan mendorong musuh Islam menindas umat Islam.

● Cadangan hukum hudud Pas di Terengganu - undang-undang ciptaan manusia yang membawa kepada ketidakadilan bukanlah undang-undang Islam walaupun apa pun nama diberi. Undang-undang gubahan manusia yang menghukum mangsa sebagai bersalah sudah tentu tidak adil dan tidak Islam. Yang salah bukan ajaran Islam tetapi mereka yang membuat tafsiran kerana kepentingan politik.

Dr Mahathir kesal kerana ramai orang Melayu, yang semuanya beragama Islam, mengikut nafsu dan mencipta serta menafsir ajaran Islam untuk menghalalkan perbuatan yang bertentangan dengan ajaran agama dan selepas itu, tidak faham kenapa mereka gagal.

Beliau berkata, walaupun wujud kegiatan berpolitik dan berparti, tidak harus ada pemisahan sesama umat sehingga mereka tidak dapat bertindak bersama dengan satu tujuan apabila menghadapi musuh atau masalah yang serupa.

Bagaimanapun, apa yang berlaku di kalangan orang Melayu sekarang ialah politik tidak rasional dan menularnya politik benci sehingga menghancurkan nilai mulia yang diajar Islam seperti bersyukur, berterima kasih dan bersaudara sesama Islam.

Orang Melayu, katanya, sudah tidak mengutamakan perpaduan, sebaliknya akibat politik kebencian itu, sesetengahnya memusuhi Umno bukan kerana perbezaan politik atau agama tetapi disebabkan rasa benci yang disemai sejak kecil oleh Pas.

Mengenai Malaysia sebagai negara Islam, beliau berkata ia amat jelas dan orang Islam di negara ini bebas hidup secara orang Islam, tidak dihalang beribadat dan menikmati keadilan seperti yang dituntut oleh agama Islam.

Namun, katanya, sehingga sekarang pihak tertentu tidak dapat menjelaskan negara Islam yang kononnya mereka akan dirikan di Malaysia jika mereka berkuasa.

"Yang diumumkan ialah cara pemerintahan yang tidak berbeza dengan yang ada sekarang iaitu secara tidak langsung mengakui akan kebenaran kenyataan bahawa Malaysia adalah negara Islam sejak merdeka.

"Mereka tidak sebut dengan jelas akan hasrat mereka untuk melaksanakan hukum yang didakwa oleh mereka sebagai hukum hudud supaya kita semua tahu jenis keadilan atau ketidakadilan yang hendak dilaksanakan oleh mereka, jika na'uzubillah, mereka berkuasa," katanya.

Perdana Menteri menegaskan, perbincangan mengenai Malaysia sebagai negara Islam tidak perlu diteruskan dan tiada perubahan dalam Perlembagaan perlu dibuat untuk menjadikan Malaysia negara Islam.

"Hanya yang perlu dibuat ialah menentukan negara ini tidak disesatkan oleh pihak tertentu kerana kepentingan politik mereka sehingga tidak lagi Islam, sehingga menjadi lemah dan ditindas oleh musuh Islam," katanya.